

46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD**

**SOALAN : NO. 16**

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilakah sebuah IPTA seperti UPM akan dibina di Lipis memandangkan sudah ada tanah yang telah tersedia untuk pembinaan universiti awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Tanah di Lipis seluas 898.5 ekar merupakan milik Universiti Teknologi MARA (UiTM) sepenuhnya. Pihak UiTM telah mempunyai perancangan berhubung pembangunan tanah tersebut untuk dijadikan pusat penyelidikan dan juga untuk program berteraskan perladangan.